



DRAFT RANCANGAN KAWASAN KHAS  
**BUKIT BESI BANDAR BERSEJARAH 2030**  
BANDAR PERLOMBONGAN

بوكيت بسي بندار برسجاره

DUNGUN, TERENGGANU





RINGKASAN EKSEKUTIF

RANCANGAN KAWASAN KHAS  
BUKIT BESI BANDAR BERSEJARAH 2030



DISEDIAKAN OLEH :



## ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	M/S
	1.1 DERNIS RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)	1
	1.2 PERUNTUKAN PENYEDIAAN RKK BERDASARKAN AKTA 172	2
	1.3 KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK	3
2.0	<b>PROFIL KAWASAN RKK</b>	4
	2.1 SEJARAH KAWASAN RKK	5
	2.2 PENDUDUK KAWASAN RKK	6
	2.3 GUNA TANAH 2014	6
	2.3.1 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	7
	2.3.2 PEMBANGUNAN KOMITED	8
	2.3.3 AKTIVITI PERLOMBONGAN SEDIA ADA	9
	2.4 NILAI SEJARAH YANG BERPONTENSI	10
3.0	<b>PENEMUAN UTAMA</b>	14
	3.1 PENEMUAN UTAMA BERDASARKAN KAJIAN LAPANGAN DAN ANALISIS	14
4.0	<b>HALA TUU PEMBANGUNAN</b>	15
	4.1 PERUNTUKAN RSN TERENGGANU 2020 MENGENAI KAWASAN RKK	15
	4.2 PERUNTUKAN RTD DUNGUN 2015 MENGENAI KAWASAN RKK	16
	4.3 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PEMBANGUNAN KAWASAN RKK	16
5.0	<b>KONSEP DAN CADANGAN PEMBANGUNAN</b>	17
	5.1 KONSEP PEMBANGUNAN	17
	5.2 PENINGKATAN IMEJ DAN IDENTITI BUKIT BESI BANDAR BERSEJARAH	18
	5.3 ZON GUNA TANAH	19
	5.3.1 PELAN SISP ZON JERANGAU-GUNA TANAH 2030	21
	5.3.1 PELAN SISP ZON BUKIT BESI-GUNA TANAH 2030	21
	5.3.1 PELAN SISP ZON BESUL-GUNA TANAH 2030	22
	5.4 CADANGAN SISTEM PENGANGKUTAN	23
	5.5 CADANGAN ZON KEDIAMAN & PEMBANGUNAN BERCAMPUR	24
	5.6 CADANGAN PEMBANGUNAN PROJEK	25
	5.6.1 FLAGSHIP 1 – BANDAR BERSEJARAH BUKIT BESI	26
	5.6.2 FLAGSHIP 2 – PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN INSTITUSI	29
	5.6.3 FLAGSHIP 3 – TAMAN TEMA BERASASKAN AIR	30
	5.6.4 FLAGSHIP 4 – CADANGAN BANDAR LEGASI	31
	5.7 FASA PEMBANGUNAN KESELURUHAN	34
	5.8 CADANGAN PERLUASAN KAWASAN OPERASI MP DUNGUN	35
6.0	<b>RUMUSAN</b>	36

Kedudukan semasa arifak chimney daripada jaluan utama ke arah kawasan bandar bukit besi



## 1.0 PENDAHULUAN

## 1.0 PENDAHULUAN



Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Besi, Dungun merupakan sebuah pelan panduan pembangunan yang disediakan khusus bagi memudahkan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta dalam membangun dan menguruskan pembangunan di Bukit Besi sehingga tahun 2025. Kadungan utama RKK ini adalah cadangan zon guna tanah masa hadapan, cadangan projek dan program serta perincian kaedah pelaksanaan mengikut fasa.

### 1.1 DEFINISI RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)

RKK merupakan rancangan terperinci bercorak tempatan yang disediakan untuk kawasan yang mempunyai kepentingan khusus kepada Phak Berkusa Perancang Tempatan (PBPT). Penyediaan RKK ini juga membolehkan PBPT menyegerakan tindakan perancangan ke atas sebuah kawasan bagi tujuan pemajuan, pembangunan semula, naiktaraf, memelihara atau bagi tujuan pengurusan kawasan berkenaan. RKK mempunyai peruntukan bagi menguatkuasakan segala kandungan RKK sama seperti rancangan tempatan.

Berdasarkan Garis Panduan Rancangan Kawasan Khas, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia (Jun 2006), RKK adalah satu rancangan pemajuan yang disediakan dalam masa yang singkat untuk tujuan pelaksanaan.

Hasil utama RKK ialah satu Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan sama ada dalam bentuk Pelan Susunatur atau Pelan Pengurusan yang disokong oleh spesifikasi. Pelan Tindakan Pembangunan ini disokong oleh Spesifikasi Pembangunan Terperinci dan Jadual Tindakan Pembangunan yang mengandungi fasa, kos, agensi pelaksana dan pendekatan pelaksanaan.

Berdasarkan Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, JPBD Semenanjung Malaysia, November 2002, tujuan penyediaan RKK adalah:

“Mempercepatkan perancangan yang terperinci bagi sesuatu kawasan yang mempunyai kepentingan dan karektor tertentu yang perlu diperlihara dan dikawal selia seperti kawasan-kawasan yang mempunyai nilai-nilai alam sekitar yang tinggi, kawasan yang mempunyai daya tarikan dan kecantikan semulajadi, kawasan yang kaya dengan nilai sejarah, warisan dan budaya serta kawasan yang memerlukan pembangunan khas bagi kumpulan masyarakat tertentu seperti penempatan orang Asli.”

Di dalam hierarki rancangan pemajuan di Malaysia, RKK merupakan rancangan pemajuan yang berada di tahap keempat selepas Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.



## 1.2 PERUNTUKAN PENYEDIAAN RKK BERDASARKAN AKTA

RKK Bukit Besi ini disediakan berdasarkan peruntukan Sub Seksyen 16B (1), (2) dan (3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu:

### Seksyen 16B(1)

- Pengarah JPBD Negeri atau PBPT boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) mengenai cadangan untuk menyediakan (penetapan kawasan) RKK Bukit Besi.
- RKK perlu mengandungi cadangan-cadangan tindakan khusus bagi tujuan sama untuk memajukan segera, memajukan semula, memperelokkan bagi atau untuk memelihara atau bagi tujuan pengurusan kawasan berkenaan.
- RKK Bukit Besi boleh disediakan semasa penyediaan atau setelah berkuatkuasanya sesuatu Rancangan Struktur (RS) atau Rancangan Tempatan (RT).

### Seksyen 16B(2)

- JPN akan menentukan sama ada Pengarah JPBD Negeri atau PBPT yang berkenaan diberi tanggungjawab menyediakan RKK.

### Seksyen 16B(3)

- RKK hendaklah disediakan dengan cara yang sama sebagaimana RT disediakan.
- RKK hendaklah mengandungi panduan yang terperinci berkenaan cara-cara pelaksanaan dan pengurusannya.
- RKK hendaklah mempunyai kuatkuasa seperti suatu RT.

### 1.3 KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK BUKIT BESI

- Berdasarkan hierarki petempatan Rancangan Tempatan Daerah Dungun (RTDD) 2015, Bukit Besi merupakan Pusat Petempatan Utama bersama Paka dan Al-Muktafi Billah Shah. Namun, perkembangan pembangunan di Bukit Besi adalah sangat perlahan dan sehingga kini, perancangan yang telah dilaksanakan hanyalah UTM (Fasa 1). Cadangan projek-projek utama sangat penting bagi melonjakkan tahap pembangunan kawasan RKK.
- Penubuhan UTM memberi impak besar dari segi ekonomi dan lain-lain pembangunan fizikal / infrastruktur di Bukit Besi. Ini merupakan pemangkin kepada pertumbuhan kawasan secara menyeluruh agar dapat menarik lebih ramai penduduk dan peluang pekerjaan di kawasan RKK.
- Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 sepanjang 185 kilometer mempunyai satu persimpangan keluar masuk (interchange) berhampiran Bukit Besi yang memberi kesan positif kepada pembangunan fizikal dan sosioekonomi penduduk khususnya bagi kawasan Bukit Besi dan Wilayah KETENGAH amnya.
- Terdapat ciri-ciri tinggalan sejarah perlombongan zaman penjajah di Bukit Besi yang berpotensi dibangunkan sebagai pelancongan warisan.
- Kedudukan Bukit Besi dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menjadi pemangkin kepada pembangunan berasaskan industri hilir, pendidikan dan pelancongan sejarah. Ini diperkuatkan dengan program-program pembangunan yang distingtif dan dinamik menerusi pelaksanaan projek pemangkin berimpak tinggi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Bukit Besi.
- Aktiviti perlombongan di Bukit Besi perlu dikawal agar produk warisan dan kualiti persekitaran tidak terjejas.



Washing Plant merupakan Artifak warisan yang perlu di pulihara



## 2.0 PROFIL KAWASAN KAJIAN

Rajah 2.1 : Peta Lokasi dan Radius Kawasan RKK Bukit Besi



Sumber: Kajian RKK Bukit Besi, 2014.



## 2.0 PROFIL KAWASAN RKK

Bandar Bukit Besi terletak di dalam Daerah Dungun (Rajah 2.1) dan berada di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Dungun. Bandar Bukit Besi juga merupakan kawasan pembangunan bagi pihak Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Kedudukan bandar ini ialah kira-kira 80 kilometer dari Bandar Kuala Terengganu, 40 kilometer dari Bandar Dungun dan 15 kilometer dari pusat pentadbiran Ketengah di Bandar Al-Muktafi Billah Shah.

Keluasan kawasan RKK adalah 3,275 hektar (termasuk UiTM dan Taman Rekreasi Tasek Puteri). Kawasan RKK dihubungkan dengan baik melalui Jalan Persekutuan FT 14 (Jalan Jerangau - Jabor), Jalan Persekutuan FT 132 (Jalan Bukit Besi - Dungun) dan persimpangan keluar masuk Bukit Besi di Lebuhraya Pantai Barat meningkatkan lagi kesesuaian pengguna dan potensi pembangunan masa hadapan di kawasan RKK.



## 2.1 SEJARAH KAWASAN RKK

Sekitar tahun 1930-an, Bukit Besi menjadi terkenal kerana pengeluaran bijih besi yang terbesar di Asia Tenggara.

Perkembangan perusahaan perlombongan di Bukit Besi ini seiring dengan pertumbuhan perusahaan kelulut di Jepun. Berikut merupakan kronologi perkembangan Bukit Besi bermula dari penemuan tapak perlombongan sehingga keadaannya pada masa kini.

- |  |  |  |   |  |  |   |  |  |   |   |   |   |   |
|--|--|--|---|--|--|---|--|--|---|---|---|---|---|
| <p><b>1916</b> Ahli kajibumi Jepun, Mr. Kuhara datang ke Dungun membuat kajian di kawasan Chemvak, Ulu Dungun dan mendapat kawasan tersebut mengandungi bijih besi dalam jumlah yang banyak.</p> | <p><b>1927</b> Syarikat Kuhara Mining Ltd. menjalankan aktiviti perlombongan secara tidak rasmi. Syarikat ini kemudiannya telah ditukar nama kepada Nippon Mining Company (NMC).</p> | <p><b>1929</b> 13 Januari - Kerajaan Terengganu mengeluarkan 'mining lease' secara rasmi kepada NMC. Kawasan seluas 1,080 ekar ini terdiri daripada M.L. 129, M.L. 130, M.L. 131 dan M.L. 132, iaitu pecahan daripada M.L. 75.</p> | <p><b>1930</b> Pengurus lombong pertama, R. Kunada telah memulakan tugasnya pada bulan April 1930. Laluan keretapi Dungun - Bukit Besi telah dapat disiapkan di stesen Che Lijah.</p> | <p><b>1935</b> Jumlah penduduk di Bukit Besi telah meningkat sehingga 6,000 orang (termasuk 3,000 pekerja). Para pekerja perlombongan di Bukit Besi ini terdiri daripada pelbagai bangsa, Melayu, Cina, India dan Jepun.</p> | <p><b>1936</b> Sebuah terowong yang dikenali sebagai Bukit Tebuk telah dapat disiapkan. Perjalanan melalui Bukit Tebuk dapat menjimatkan masa. Oleh itu tempat memunggah bijih dari Che Lijah telah dipindahkan ke Nibong.</p> | <p><b>1938</b> Perperangan antara China dengan Jepun menyebabkan pekerja-pekerja Cina berhenti diklat hasilan dan sentimen anti Jepun. Ini menyebabkan syarikat perlombongan terpaksa mengambil pekerja-pekerja baru dan sebahagianya dilimpahkan dari India.</p> | <p><b>1945</b> Jepun menyerah kalah kepada British dalam Perang Dunia ke II. Perusahaan perlombongan bijih besi oleh NMC berakhir.</p> | <p><b>1946 - 1949</b> Darurat. Aktiviti perlombongan terhenti kerana tiada permintaan.</p> | <p><b>1948</b> Ogos, kerajaan British meruntuskan untuk menjual harta lombong Bukit Besi kepada Syarikat Eastern Mining and Metal Berhad (EMMCO).</p> | <p><b>Awal 1950-an</b> EMMCQ menjalankan aktiviti perlombongan secara besar-besaran, kesan daripada pemuliharaan perang dan permintaan yang tinggi dari syarikat-syarikat Jepun. Pengeluaran bijih digandakan untuk mendapat keuntungan besar dalam masa yang singkat. Aktiviti pengeluaran dijalankan 24 jam sehari tanpa henti, kecuali hari Jumaat. Kepala keretapi juga telah diganti dengan yang baru, ditempati dari England. Jentera-jentera moden juga telah digunakan dalam proses pemecahan batu-batu bijih. Pada masa ini, pendapatan pekerja perlombongan Bukit Besi menyamai atau lebih baik daripada pekerja di jabatan kerajaan. Pihak EMMCQ telah mewujudkan pejabat pos, pejabat ukur, pejabat kebijikan masyarakat dan sebagainya di Bukit Besi. Oleh kerana pengeluaran yang berterusan dengan jumlah yang besar, akhirnya bijih besi mulai berkurangan dan akhirnya syarikat mula mencatatkan kerugian.</p> | <p><b>1970</b> 1 Oktober - Mesyuarat Lembaga Pengarah EMMCQ membuat keputusan menutup lombong Bukit Besi.</p> | <p><b>1971</b> 8 September - Sektor perlombongan bijih besi ditutup. Ini memberi kesan kepada penduduk di Bukit Besi dan Bandar Dungun yang hampir lumpuh sepenuhnya.</p> | <p><b>Kini</b> Bukit Besi meninggalkan beberapa artefak sejarah seperti chimney, stock pile, washing plant / tin plant, crushing plant, tempat menyimpan bahan letupan dan sebahagian daripada kuartier Task Puteri yang wujud hasil daripada perlombongan bijih besi di Bukit Besi ini menjadi kawasan rekreasi kepada penduduk sekitar. Sebuah mini galeri sejarah juga diwujudkan di Pejabat KETENGAH Cawangan Bukit Besi.</p> |
|--|--|--|---|--|--|---|--|--|---|---|---|---|---|

## 2.2 PENDUDUK KAWASAN RKK

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk di kawasan RKK pada tahun 2000 adalah 3,570 orang dan meningkat sebanyak 848 orang pada tahun 2010 menjadikan jumlah penduduk seramai 4,418 orang. Pada tahun 2013, kampus UiTM Bukit Besi telah dibuka dengan pengambilan pelajar sesi Jun 2013 seramai 600 orang. Pada tahun 2014, anggaran penduduk bagi kawasan RKK adalah sejumlah 5,200 orang dengan mengambilnya kaitangan dan pelajar UiTM Bukit Besi. Kronologi perkembangan Bukit Besi menyatakan pada tahun 1935, Bukit Besi mempunyai jumlah penduduk seramai 6,000 orang (termasuk 3,000 pekerja perlombongan). Iri jelas menunjukkan bahawa selepas penutupan aktiviti perlombongan pada tahun 1971, kebanyakan penduduk telah berhijrah keluar dari Bukit Besi. Sehingga kini, jumlah penduduk di Bukit Besi masih sekitar 3,000 hingga 5,000 orang dan menunjukkan bahawa tiada perkembangan pembangunan yang ketara di kawasan ini.

Tahun	Bilangan Penduduk
1935	6,000 orang (termasuk 3,000 pekerja)
2000	3,570 orang
2010	4,418 orang
2014	5,200 orang
2030	26,862 orang (unjuran)

## 2.3 GUNA TANAH 2014

Kawasan RKK mempunyai kawasan tepubina seluas 512 hektar (15.63%) dan guna tanah bukan tepubina seluas 2,763 hektar (84.37%). Guna tanah tepubina terdiri daripada kediaman, jalan raya, kemudahan masyarakat dan institusi serta pembangunan ekonomi (perniagaan dan perkhidmatan serta perindustrian). Berdasarkan keadaan semasa, dua pembangunan sedia ada iaitu UiTM Bukit Besi dan persimpangan keluar masuk Lebuhraya Pantai Timur mampu melonjakkan potensi pembangunan tepubina masa hadapan di kawasan RKK. Kawasan pertanian di sekitar Bandar Seri Bangun dan tanah-tanah bersebelahan Jalan Jerangau – Jabor (FT14) juga akan menerima tekanan pembangunan yang kuat di masa hadapan.

Nota: Sempadan Kawasan RKK adalah berdasarkan Laporan Asas Rujukan dari Pejabat Projek Zon Timur, JPBD dan diselaraskan dengan Pelan Warta Bandar Bukit Besi, KETENGAH.



### 2.3.1 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI



Kabinet telekom yang terletak di persimpangan jalan masuk ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bukit Besi



Pencawang elektrik di Jalan Jerangau-Jabor



Tangki air utama untuk penduduk Bukit Besi



Pencawang elektrik yang terletak di Jalan Delima



Pencawang elektrik yang terletak di jalan masuk ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bukit Besi



Pencawang elektrik terletak di jalan dalam Kg Talang



Pencawang elektrik yang terletak di Jalan Permata



Pencawang elektrik terletak di antara persimpangan Jalan Permata dan Jalan Emas



Pencawang elektrik di jalan Kg Besol Lama



Kolam tадahan terletak di Kelab Golf Bukit Besi



Pencawang berhampiran dengan Pejabat KETENGAH



Kabinet telekom berhampiran dengan dewan



Menara telekomunikasi di Jalan Mutiara berhampiran Pusat Kegiatan Guru Bukit Besi



Pencawang elektrik di persimpangan jalan masuk ke Padang Golf Tasik Puteri



Kolam tадahan berhampiran Sekolah Menengah Bukit Besi



Pencawang elektrik yang terletak di Jalan Bukit Besi - Dungun



## 2.3.2 PEMBANGUNAN KOMITED

Berasarkan Majlis Perbandaran Dungun dan KETENGAH, terdapat beberapa pembangunan komited dengan komponen perdagangan, perumahan dan pembangunan bercampur akan dijalankan di kawasan RKK. Tumpuan pembangunan komited ini adalah di persimpangan keluar masuk Lebuhraya Pantai Timur, Bandar Seri Bangun, Taman Rekreasi Tasik Puteri dan kawasan bersebelahan Jalan Persekutuan FT14. Sekiranya semua pembangunan komited ini dilaksanakan kelak, akan meningkatkan potensi dan tahap pembangunan di kawasan RKK. Ini juga memberi kesan terhadap peluang kerjaya dan peningkatan sektor ekonomi setempat.

JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH
Pembangunan Bercampur	5
Perumahan	3
Perniagaan Dan Perkhidmatan	2
Sekolah	1
Kemudahan Rekreasi	1
Warisan	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>13</b>

Komponen Pembangunan (Pembangunan Bercampur)	Cadangan Pembangunan Kawasan Interchange
Luas Tapak	Bukit Besi (Rumah Kealaman, Rumah Kedai, Kemudahan, & Kawasan Lapang)
Lot	81 ek (32.78 ha)
Status	Permohonan KM Belum Dikemukakan
Sumber : KETENGAH & MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	


Komponen Pembangunan (Perumahan)	Cadangan Perumahan Teres, Kos Rendah, Bukit Besi
Luas Tapak	16.3 ek (6.61 ha)
Status	Dalam Pembinaan
Sumber : KETENGAH	

Komponen Pembangunan (Perumahan)	Permohonan Kebenaran Merancang Pecah Sempadan Di Atas Lot 1658, GM 1455 Mukim Jerangau
Luas Tapak	5.66 Ek (2.29 Ha)
Lot	1658 GM 1455
Status	Lulus KM Pecah Sempadan
Sumber : MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	

Komponen Pembangunan (Pembangunan Bercampur)	Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Tapak Kompleks Perniagaan Apartment Dan Lot-lot Kedai Di Hadapan Pintu Masuk Ke Padang Golf Bandar Bukit Besi
Luas Tapak	30.60 Ek (12.385 Ha)
Lot	PT 1814
Status	KM Belum Dikemukakan
Sumber : MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	

Komponen Pembangunan (Pembangunan Bercampur)	Cadangan Ferumahan Bercampur Di Atas Lot 293, Bukit Besi, Dungun
Luas Tapak	28.51 Ek (11.58 Ha)
Lot	293
Status	Dalam Pembinaan
Sumber : MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	

<b>JUMLAH KELUASAN PEMBANGUNAN KOMITED</b>	<b>281.23 Ekar (113.81 Hektar)</b>
--	------------------------------------



Sumber : KETENGAH

Komponen Pembangunan (Perumahan)	Taman Perumahan Mampu Milik Paya Lawas (262 unit)
Luas Tapak	27.81 ek (11.524 ha)
Status	Dalam Pembinaan
Sumber : KETENGAH & MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	
Komponen Pembangunan (Sekolah)	Permohonan Tanah Kerajaan Bagi Cadangan Tapak Sek. Men. Kompleks Seri Bangun, Bandar Bukit Besi, Dungun
Luas Tapak	33.63 ek (13.608 ha)
Status	Permohonan KM Belum Dikemukakan
Sumber : MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	
Komponen Pembangunan (Ferniagaan Dan Perkhidmatan)	Cadangan Tambahan Kemudahan Hentian Rehat Bukit Besi (Rumah Kedai, Pusat Perkhidmatan, Geraj)
Luas Tapak	4.29 ek (2.56 ha)
Status	Dalam Pembinaan
Sumber : KETENGAH	
Komponen Pembangunan (Warisan)	Permohonan Tanah Kerajaan Untuk Tapak Arifak Perlombongan Bijin Bukit Besi
Luas Tapak	14.41 ek (5.83 ha)
Lot	PT 8597 & PT 8598
Status	Bagi Tujuan Pemeliharaan Oleh Pihak Muzium
Sumber : MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	
Komponen Pembangunan (Perniagaan Dan Perkhidmatan)	Cadangan Tapak Geraj Dan Ameniti Sozial Bukit Besi
Luas Tapak	3.97 ek (1.61 ha)
Sumber : KETENGAH	
Komponen Pembangunan (Pembangunan Bercampur)	Cadangan Pembangunan Kawasan Pintu Masuk Kelab Golf Bukit Besi (Apartment, Komersial)
Luas Tapak	14.48 ek (5.96 ha)
Sumber : KETENGAH & MAJUS PERBANDARAN DUNGUN	

### 2.3.3 AKTIVITI PERLOMBONGAN

Semua aktiviti perlombongan semasa terletak di luar kawasan kajian, kecuali di tapak fasa dua (2) UiTM. Oleh itu, kawasan berkenaan disyorkan supaya dilepaskan untuk dijadikan kawasan pembangunan UiTM fasa dua (2) akan datang. Semua aktiviti perlombongan akan dipantau supaya tiada kacau ganggu dan pencemaran kepada pembangunan Bukit Besi Bandar Bersejarah.



## 2.4 NILAI SEJARAH YANG BERPONTENSI

### ① RUMAH NO 1



Aktiviti perlombongan di Bukit Besi sekitar tahun 1930-an sehingga awal 1970-an meninggalkan beberapa artifak sejarah seperti chimney, stock pile, washing plant / tin plant, crushing plant, tempat menyimpan bahan letupan dan sebahagian daripada kuarters yang berpotensi untuk pembangunan pelancongan warisan di kawasan RKK. Terdapat artifak yang masih kukuh dan hanya kerja-kerja pemuliharaan perlu dijalankan agar artifak tersebut dapat dikekalkan seperti asal.

### ② OPAL – (Washing Plant, Terowong Belting & Stock Pile)



Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan sekitar artifak juga perlu dilakukan kerana telah ditumbuh dengan pokok dan lalang yang tinggi. Keadaan jalan yang menghubungkan di antara kesemua artifak ini juga tidak sempurna (jalan tidak berturap / tanah merah) menyukarkan pengunjung menjelajah trail warisan ini. Sehubungan itu, kerja-kerja penyediaan jalan dan trail yang sempurna perlu disediakan bagi tujuan menarik kedatangan pelancongan dan mempromosikan produk ini.


### ③ CHIMNEY



### ④ CRUSHING PLANT – (Tempat Memproses Bijih Besi)



### ⑤ TEMPAT SIMPAN BAHAN LETUPAN



## RUMAH NO. 1

Rumah pengurus lombong ini pernah dijadikan tempat persinggahan orang kenamaan. Bahagian bawahnya dipercayai terdapat sebuah terowong yang telah terimbush, tetapi belum dapat dibuktikan. Rumah ini dicadang untuk dibina semula dalam bentuk asal bagi mengekalkan nilai sejarahnya untuk dijadikan Galeri Sejarah Bukit Besi. Buar sementara waktu, Galeri Sejarah ditempatkan di Pejabat Cawangan KETENGAH Bukit Besi.



## OPAL

### WASHING PLANT

Washing plant atau Tin Plant dibina oleh pihak NMC dan digunakan sebagai tempat memecah dan memproses bijih besi. Di zaman EMMCO, ia digunakan sebagai tempat memproses dan membasuh bijih timah, terutamanya dari kawasan Batu 3.

### STOCK PILE 1

Bangunan ini ialah setor untuk penyimpanan sementara bijih sebelum dipindahkan ke dalam wagon. Bahagian bawah bangunan ini terdapat sling yang dibina menggunakan ketulan-ketulan batu dan kelihatan seperti dilekatkan antara satu sama lain. Ia kelihatan masih kukuh hingga hari ini. Ada kemungkinan ruangan ini digunakan sebagai tujuan pengudaraan untuk proses pengeringan bijih.

### STOCK PILE 2

Berhampiran dan pada aras yang lebih rendah, terdapat sebuah bangunan dimana bahagian bawahnya mempunyai 5 terowong yang merupakan tempat wagon menunggu. Bijih-bijih besi daripada Stock Pile 1 dihantarkan ke bangunan ini menggunakan sistem belting dan terus dicurahkan ke dalam wagon menerusi lubang-lubang bersègi empat yang terdapat di bahagian atas terowong tersebut.

### TEROWONG „BELTING”

Kegunaan terowong ini tidak begitu jelas. Ia mungkin menghubungkan bangunan Washing Plan dengan Stock Pile. Bijih-bijih besi dari Washing Plant dihantarkan ke Stock Pile menggunakan sistem belting (conveyor).



## CHIMNEY

Chimney di Bukit Besi digunakan sebagai cerobong asap di bahagian dapur tempat memasak bijih. Di zaman permulaan NMC, bijih besi dimasak dan dikeluarkan dalam jongkong sebelum dieksport ke Jepun. Tapak chimney ini terletak di tepi Jalan Jerangau – Jabor (FT14). Sebahagian dapur telah runtuh, namun chimney ini masih jelas terlihat di kawasan kajian.

Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, chimney atau cerobong adalah apa-apa struktur, pembukaan, liang, corong, konduit, aliran keluar atau apa-apa struktur yang dibina atau disusun seumpamanya bagi mengalirkan udara keluar dari kesemua atau sebahagian dari premis.




## CRUSHING PLANT

Bangunan ini dibina di zaman EMMC dan digunakan sebagai tempat pemecah bijih. Bijih besi yang siap diproses dicurahkan ke dalam wago yang menunggu di dalam terowong untuk diantar ke Jeti Sura Dungun. Terdapat sebuah pintu kecil di hujung terowong yang dihubungkan dengan sebuah lubang, berkemungkinan sebagai saluran udara.



### TEMPAT SIMPANAN BAHAN LETUPAN

Di zaman NMC letupan dilakukan 2 kali sehari iaitu pada pukul 11.15 pagi dan 5.15 petang. Di zaman EMMCO, ia dilakukan 3 kali sehari, iaitu pada pukul 8.30 pagi, 12.00 tengahari dan 4.30 petang. Bangunan kayu sekitar kawasan ini merupakan kquarters pekerja dan rumah kelab di zaman perlombongan. Tetapi pada masa kini, hanya tinggal tapak bangunan sahaja.



Setor Bahan  
Letupan Dahulu



PELAN  
LOKASI



PELAN  
TAPAK



Kquarters pekerja dahulu



## **3.0 PENEMUAN UTAMA**

## 3.0 PENEMUAN UTAMA

Hasil kajian lapangan, analisis sektoral dan perbandingan matrik, rumusan penemuan utama bagi kawasan RKK adalah seperti berikut:

### 3.1 PENEMUAN UTAMA BERDASARKAN KAJIAN LAPANGAN DAN ANALISIS

#### PERANCANGAN FIZIKAL, GUNA TANAH DAN ALAM SEKITAR

- Kawasan bersejarah tidak dipelihara / dijaga dengan baik. Kawasan sekitar semak dan tiada petunjuk arah ke bangunan bersejarah.
- Aktiviti perlombongan bijih besi yang dijalankan secara berleluasa menjelaskan kualiti persekitaran.
- Kerosakan pemukaan jalan kesan dari aktiviti perlombongan (kenderaan berat).
- Keadaan topografi yang berbukit.
- Kualiti air tanah tidak sesuai untuk aktiviti pentemakan (kandungan sulfuringgi).
- Tiada aktiviti ekonomi dan rekreasi di Taman Rekreasi Tasik Puteri.
- Terdapat aktiviti perusahaan industri (bengkel, kedai kayu, besi) yang dijalankan di bangunan kediaman (salah guna bangunan).

#### PENDUDUK, PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN AWAM

- Tiada perumahan mampu milik. Sedia ada hanya di Taman Perumahan Paya Lawas (telah kemudahan awam (sekolah rendah dan masjid tidak mampu menampung keperluan penduduk).
- Papan tanda laluan yang rosak / tidak diselenggara dengan baik. Jumlah penyediaan juga sedikit/ tidak menyeluruh.
- hanya mesin ATM) – terdekat di Bandar AMBS.
- Tiada peluang pekerjaan.

#### ASAS EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

- Tiada bangunan komersi di Bandar Bukit Besi.
- kediaman / kawasan kediaman.
- Bangunan komersi sedia ada hanya di simpang tiga (Jalan Jerangau – Jabor dan Jalan Bukit Besi – Dungun).
- Aktiviti industri (10 unit) – kilang papan, kilang getah, pembekal besi / barang binaan, bengkelkenderaan.

#### PENGKUTAN DAN PENGURUSAN LALULINTAS

- Tiada kemudahan pengangutan awam di Bandar Bukit Besi. Hanya disediakan di Jalan Persekutuan FT 14 (Jalan Jerangau – Jabor).
- Jalan masuk ke Kg. Kuala Talang dari Jalan Jerangau – Jabor yang sempit (10").
- Jalan sedia ada dalam Bandar Bukit Besi minimum 15".
- Tiada lampu jalan dan elemen perabot jalan di Jalan Jerangau-Jabor.

#### INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- Longkang tersumbat – tidak diselenggara dengan baik.
- Kejadian banjir di Jalan FT14 berhampiran badan air di Ladang TDM dan JPJ, akibat mendapan Sungai Luit.

#### REKA BENTUK BANDAR, REKREASI, LANDSKAP DAN PELANCONGAN

- Tiada kemudahan penginapan bagi menyokong aktiviti pelancongan.
- Pusat informasi sejarah Bukit Besi hanya disediakan di Pejabat Kawangan KETENGAH Bukit Besi.
- Paparan tanda produk pelancongan sangat terhad, tidak disediakan secara meluas dan tidak selenggara dengan baik.
- Penyediaan elemen lanskap di tahap lemah – hanya ada di Taman Rekreasi Tasik Puteri.
- Sculpture / mercu tanda ada disediakan di 2 persimpangan ke Bandar Bukit Besi tetapi tidak menarik.
- Tiadanya pintu gerbang yang menonjolkan identiti atau karektor Bukit Besi (*sense of place*).
- Kekurangan elemen perabot jalan yang menarik (pasu bunga, lampu jalan, dll).
- Imej dan identiti reka bentuk bandar sedia ada (bandar bekas lombongan bijih besi) tidak menonjol dengan menarik.
- Tiada aktiviti berdasarkan keluarga dan berdasarkan tasik.
- Aktiviti perlombongan mengganggu artifak sejarah.
- Sumber-sumber pelancongan seperti pelancongan berdasarkan sejarah tidak dioptimumkan.
- Kurangnya promosi bagi pelancongan sejarah/warisan bijih besi.
- Tiada trail warisan / sejarah berdasarkan artifik sedia ada di kawasan RKK.





Tasik Puteri, Bukit Besi

## 4.0 HALA TUJU PEMBANGUNAN

## 4.0 HALA TUJU PEMBANGUNAN

### 4.1 PERUNTUKAN RSN TERENGGANU 2020 MENGENAI KAWASAN RKK

- Jumlah penduduk Bukit Besi (Tahun 2000) = 1771 penduduk
- Hierarki petempatan semasa Bukit Besi (Tahun 2000) = Pusat Pertumbuhan Desa



Pada tahun 2020, hierarki Bukit Besi = Pusat Pertumbuhan Desa (3063 penduduk)

PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN	PENDEK 2003-2007	SEDERHANA 2008-2015
• Pembangunan Tasik Puteri Bukit Besi sebagai "Sport Tourism"	♦	
• Kampuscawangankedua UiTM di Bukit Besi	♦	
• "Track go-kart"	♦	
• Dewan	♦	
• Kemudahan gelanggang tenis	♦	
• Kolam renang	♦	
• Indoorgames	♦	
• Lanskap	♦	
• Pembangunan bertemakan industri besi zaman silam yang bergabung dengan Tasik Bukit Besi	♦	♦

### RUMUSAN RKK

- Lombong Bijih Besi - Tarikan pelancongan Negeri Terengganu sebagai monumen dan tapak sejarah.
- muzium pembuatan besi terowong, pameran dan sebagainya.
- Membentuk interpretasi yang berkesan dalam menterjemahkan industri besi zaman silam bagi menggalakkan kedatangan pelancong.
- Membangunkan semula Tasik Bukit Besi dengan kemudahan rekreasi air.
- Membangunkan Bukit Besi sebagai "Industrial Heritage Theme Park" bergabung dengan pembangunan rekreasi di Tasik Bukit Besi.
- Membangunkan IKSA sastani, herba dan sumber tempatan
- Perlombongan mineral berdasarkan besi di Bukit Besi

- Jumlah penduduk yang disasarkan oleh RSN Terengganu untuk kawasan Bukit Besi pada tahun 2020 telahpun dicapai pada tahun 2010. Dengan adanya pembangunan komited dan RKK ini, dijangka jumlah penduduk di Bukit Besi pada tahun 2020 akan meningkat.
- Hierarki Bukit Besi sebagai Pusat Pertumbuhan Desa adalah tidak bersesuaian dengan keadaan semasa kerana kini Bukit Besi telahpun dibangunkan dengan UiTM Bukit Besi dan impak pembangunan dari persimpangan keluar masuk Lebuhraya Pantai Timur akan melonjakkan lagi tahap pembangunan di kawasan RKK.
- Perancangan RSN mengenai pembangunan bersejarah / warisan dan Tasik Puteri sebagai pusat rekreasi air menepati perancangan RKK dan akan diperincikan.

#### 4.2 PERUNTUKAN RTD DUNGUN 2015 MENGENAI KAWASAN RKK

- Peningkatan fungsi Bandar Bukit Besi sebagai Pusat Petempatan Utama.
- Prospek pembangunan : Kampus UiTM Bukit Besi.

RUMUSAN RKK	CADANGAN PEMBANGUNAN RTD DUNGUN BERKAITAN BUKITBESI	TAHAP PEMBANGUNAN SEMASA (TAHUN 2014)
<ul style="list-style-type: none"> <li>Hierarki Bukit Besi sebagai Pusat Petempatan Utama bersesuaian dengan keadaan semasa kerana kini Bukit Besi telahpun dibangunkan dengan UiTM Bukit Besi dan impak pembangunan dari persimpangan keluar masuk Lebuhraya Pantai Timur akan melonjakkan lagi tahap pembangunan di kawasan RKK.</li> <li>Perancangan pembangunan yang disediakan di dalam RTD mengenai Theme Park di Tasik Puteri menepati perancangan RKK dan akan diperincikan.</li> <li>Tiada penekanan mengenai pembangunan bandar warisan / sejarah di dalam RTD. RKK akan memberi penekanan utama terhadap membangunkan pelancongan dan reka bentuk bandar berdasarkan sejarah di Bukit Besi.</li> </ul>	<p>Perluasan kawasan perbandaran sebanyak 1,950.39 ekar merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan kediaman</li> <li>Pembiagaan</li> <li>Institusi pendidikan</li> </ul> <p>Bandar universiti dan aktiviti ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan pembiagaan, perkhidmatan dan kewangan memenuhi permintaan penduduk, kakinangan dan pelajar UiTM.</li> </ul> <p>Bukit Besi : Industrial Heritage Theme Park dengan pembangunan rekreasi dan pelancongan di Tasik Puteri</p> <p>Meningkatkan taraf perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan masyarakat selari dengan perkembangan aktiviti perbandaran.</p>	<p>Tepubina semasa : 445 Hektar (13.87%)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kediaman : 75.53 Hektar (2.36%)</li> <li>Pembiagaan : 15.44 Hektar (0.48%)</li> <li>Kemudahan Masyarakat dan Institusi : 66.30 Hektar (2.07%)</li> <li>Industri : 29.24 Hektar (0.91%)</li> </ul> <p>Pembinaan UiTM fasa 1 telah dibina.</p> <p>Masih belum dibangunkan</p> <p>Masih belum dibangunkan</p> <p>Hanya disediakan mengikut keperluan penduduk sedia ada.</p>

Pencapaian matlamat ini disokong dengan beberapa objektif kajian seperti berikut:

- Memperkasakan peranan Bukit Besi sebagai bandar bersejarah Negeri Terengganu dan Daerah Dungun khususnya.
- Menjadikan bandar ini berdaya maju dan mempunyai ekonomi yang kukuh untuk menarik pelaburan dan pembangunan.
- Menjadikan persekitaran bandar Bukit Besi lebih hijau, sejahtera untuk didiami dan beridentiti dengan pengindahan imej dan lanskap Bandar.
- Meningkatkan kemudahan asas dan awam serta infrastruktur secara bersepada dan menyeluruh untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk.
- Menyediakan sistem pengurusan lalulintas dan perkhidmatan bandar yang lebih efisien.
- Memperkuatkukan keupayaan pembangunan bagi memastikan perancangan yang berdayala kuasa dan berkesan.

#### 4.3 MATLAMAT DAN OBJEKTIF PEMBANGUNAN KAWASAN RKK

RKK Bukit Besi ini akan memfokuskan kepada pertumbuhan bandar Bukit Besi sebagai Bandar Bersejarah dengan penekanan kepada pelancongan warisan, pendidikan dan perkhidmatan. Bagi mencapai tujuan tersebut, matlamat penyediaan RKK Bukit Besi adalah:

**“ MENJADIKAN BUKITBESI  
SEBAGAI BANDAR BERSEJAHARAH  
NEGERI TERENGGANU”.**



## 5.0 KONSEP DAN CADANGAN PEMBANGUNAN

